

Maju kraftangan ikut cara moden

KUALA KANGSAR, Khamis -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menyarankan supaya pengusaha kraftangan di seluruh negara mengendalikan perniagaan mereka secara moden dan mengutamakan pengeluaran secara besar-besaran.

Berucap merasmikan Kompleks Fe'badanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan) cawangan Perak, di Enggor dekat sini, beliau berkata, kerajaan sentiasa memberi galakan bagi memajukan sektor itu kerana dua faktor.

"Pertama, industri itu mampu mengekalkan kecekapan tangan, warisan tradisi pelbagai kaum yang dapat

dijadikan sebahagian daripada kebudayaan kebangsaan dan menentukan identiti bangsa rakyat di negara ini," katanya.

Faktor kedua, industri itu dapat meningkatkan pendapatan.

Sehubungan itu, beliau menggesa pengusaha kraftangan tradisional supaya mula mengubah sikap dan memikirkan pengurusan cara moden untuk maju.

"Industri kraftangan perlu dimodernkan kerana pelanggan kita tidak terhad kepada penduduk tempatan, tetapi seluruh penduduk dunia kini sudah berjumlah lebih empat bilion," katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan go-

longan belia yang sudah menjalani latihan kemahiran, termasuk kraftangan, supaya jangan terlalu berfikir untuk menjadi usahawan saja.

"Kecekapan membuat sesuatu tidak bermakna seseorang itu pandai dalam pengurusan dan jika kita mahir membuat sesuatu jangan fikir kita boleh berniaga," katanya.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Seri S Samy Vellu dan Pengerusi Jemaah Kraftangan, Tan Sri Hajah Aishah Ghani.